

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 24 April 2025



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### LAPORAN SURVEI PENGGUNAAN DAN CAPAIAN ICT OLEH INDIVIDU DAN ISI RUMAH, 2024

**Kemahiran Digital Semakin Meningkat: Lebih 90% penduduk Malaysia menunjukkan kecekapan dalam kemahiran asas ICT, golongan belia mendahului dalam kemahiran digital (melebihi 95%)**

**PUTRAJAYA, 24 APRIL 2025** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan **Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, 2024**. Laporan ini memaparkan dapatan terkini penggunaan dan capaian peralatan serta perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) oleh Individu dan Isi Rumah di bandar dan luar bandar.

Statistik yang dibentangkan dalam laporan ini digunakan sebagai input utama oleh agensi antarabangsa dalam penyediaan indeks global seperti Indeks Pembangunan ICT (IDI) dan Indeks Infrastruktur Telekomunikasi (TII). Ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap penanda aras antarabangsa serta memperlihatkan kemajuan berterusan negara dalam memperkukuh infrastruktur digital dan pembangunan ICT.

Mencerminkan kemajuan digital negara, dapatan survei 2024 ini menunjukkan bahawa tahap capaian isi rumah kepada peralatan dan perkhidmatan ICT kekal tinggi dan konsisten. Sebahagian besar isi rumah dilaporkan mempunyai capaian kepada telefon bimbit (99.5%), televisyen (99.5%) dan radio (99.5%). Sementara itu, capaian kepada Internet meningkat kepada 96.8 peratus, manakala penggunaan telefon tetap mencatat sedikit peningkatan kepada 27.9 peratus. Namun begitu, capaian kepada saluran TV berbayar menunjukkan penurunan ketara kepada 67.1 peratus, berbanding 77.0 peratus pada tahun 2023.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Peningkatan berterusan dalam capaian dan penggunaan ICT menggambarkan usaha berterusan

Malaysia dalam memperkukuh keterangkuman digital merentasi semua lapisan masyarakat.”

Melihat kepada capaian mengikut lokaliti, isi rumah di kawasan bandar mencatatkan kadar capaian yang lebih tinggi bagi kebanyakan penunjuk ICT dengan hampir liputan penuh bagi telefon bimbit, radio dan televisyen serta capaian Internet mencecah 98.8 peratus. Di kawasan luar bandar, capaian kepada televisyen (98.8%), telefon bimbit (98.7%) dan radio (98.4%) kekal tinggi, manakala capaian kepada Internet meningkat kepada 90.3 peratus.

Selaras dengan tren peningkatan yang berterusan, penggunaan telefon bimbit oleh individu mencapai 99.5 peratus pada tahun 2024, disokong oleh kadar penggunaan yang tinggi di kawasan bandar (99.8%) dan luar bandar (98.9%). Begitu juga bagi penggunaan komputer yang mencatat peningkatan sederhana kepada 80.7 peratus secara keseluruhan yang didorong oleh peningkatan di kawasan bandar (86.5%) dan luar bandar (64.3%).

Dari segi kecekapan ICT, laporan ini turut menekankan tahap kemahiran digital yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Lebih 90 peratus individu menunjukkan kecekapan dalam tugas asas seperti menyalin/memindahkan fail, menggunakan fungsi salin dan tampal, serta menghantar e-mel dengan lampiran. Dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun, kemahiran ini lebih menonjol dengan hampir semua indikator melebihi 80 peratus.

Meneruskan tren positif, penggunaan Internet dalam kalangan individu meningkat kepada 98.0 peratus pada tahun 2024, berbanding 97.7 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini direkodkan di kawasan bandar (99.0%) dan luar bandar (95.3%). Penggunaan kekal tinggi merentasi kumpulan umur dengan individu berusia antara 20 hingga 39 tahun mencatat kadar penggunaan lebih 99.5 peratus. Peningkatan ketara turut direkodkan dalam kalangan warga emas berumur 60 tahun ke atas, mencapai 91.6 peratus berbanding 86.9 peratus pada tahun sebelumnya.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menegaskan bahawa penggunaan Internet di Malaysia didorong oleh gaya hidup digital yang aktif. Penyertaan dalam rangkaian sosial kekal sebagai aktiviti utama Internet dengan 99.7 peratus pengguna aktif di platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok. Ini diikuti dengan aktiviti media, di mana 94.3 peratus individu melaporkan memuat turun atau menstrim kandungan seperti muzik, video dan permainan. Selain itu, 93.0 peratus pengguna menggunakan Internet untuk mencari maklumat mengenai barangan dan perkhidmatan, mencerminkan kebergantungan yang semakin meningkat terhadap platform digital dalam urusan harian dan membuat keputusan pengguna.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 24 April 2025**

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh dicapai melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
24 APRIL 2025**



## **MEDIA STATEMENT**

MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

### **ICT USE AND ACCESS BY INDIVIDUALS AND HOUSEHOLDS SURVEY REPORT, 2024.**

***Digital Skills on the Rise: Over 90% of Malaysians demonstrate competence in essential ICT tasks, with youths taking the lead in digital fluency (exceeding 95%)***

**PUTRAJAYA, 24<sup>TH</sup> APRIL 2025** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **ICT Use And Access by Individuals and Households Survey Report, 2024**. The report provides the latest insights on access and use of Information and Communication Technology (ICT) equipment and services among Malaysians, covering both urban and rural areas.

The statistics presented in this report serve as key inputs for international agencies in the compilation of global indices such as the ICT Development Index (IDI) and the Telecommunication Infrastructure Index (TII). This underscores Malaysia's commitment to international benchmarking and highlights the country's continued progress in strengthening its digital infrastructure and ICT development.

Demonstrating Malaysia's digital maturity, the 2024 survey revealed that household access to ICT equipment and services remained consistently high. A vast majority of households reported having access to mobile phone (99.5%), television (99.5%) and radio (99.5%). Meanwhile, Internet access increased to 96.8 per cent and fixed-line telephone usage saw a slight uptick to 27.9 per cent. However, access to pay TV channels experienced a notable drop to 67.1 per cent, down from 77.0 per cent in 2023.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The consistent growth in ICT access and usage reflects Malaysia's ongoing efforts in enhancing digital inclusion across all strata of society."

*Looking at access by locality, urban households recorded higher access rates across most ICT indicators, with nearly full coverage for mobile phone, radio and television, and Internet access reaching 98.8 per cent. In rural areas, access to television (98.8%), mobile phone (98.7%) and radio (98.4%) remained strong, while Internet access improved to 90.3 per cent.*

*With regard to ICT competency, the report also highlighted high levels of ICT skills among Malaysians. More than 90 per cent of individuals demonstrated competency in tasks such as copying/moving files, using copy & paste tools and sending emails with attachments. Among youths aged 15 to 24 years, these skills were even more prevalent, with almost all indicators exceeding 80 per cent.*

*Continuing with the positive trends, Internet usage among individuals reached 98.0 per cent in 2024, up from 97.7 per cent in 2023. The increase was observed in both urban (99.0%) and rural (95.3%) populations. Usage was consistently high across age groups, with individuals aged 20 to 39 years showing usage rates more than 99.5 per cent. A notable increase was recorded among those aged 60 and above, reaching 91.6 per cent compared to 86.9 per cent the previous year.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's usage of Internet is driven by highly engaged digital lifestyles. Participation in social networks remained the top Internet activity, with 99.7 per cent of users actively involved on platforms such as Facebook, Instagram and TikTok. This was followed by media consumption, where 94.3 per cent of individuals reported downloading or streaming content like music, videos and games. Additionally, 93.0 per cent of users relied on the Internet to search for information on goods and services, reflecting the growing dependence on digital platforms for everyday decision-making and consumer activity.*

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone' .*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*Released by:*

*Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 24<sup>th</sup> April 2025*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
24<sup>th</sup> APRIL 2025**